

24/09/1998

Masyarakat patut diberi pujian

KUALA LUMPUR, Rabu - Masyarakat di negara ini harus diberi pujian kerana berjaya memastikan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98), yang berakhir Isnin lalu berjalan lancar tanpa sebarang gangguan serius.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Datuk Shahrizat Abdul Jalil berkata ini membuktikan masyarakat negara ini cintakan keamanan, walaupun ada pihak cuba mencemarkan temasya sukan kedua terbesar di dunia itu.

Menurutnya, keadaan terkawal itu juga membuktikan masyarakat masih yakin serta memberi sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Saya yakin kemakmuran negara ini dapat dikekalkan di bawah kepemimpinan Perdana Menteri walaupun pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi," katanya.

Shahrizat yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, berkata negara ini tidak akan disanjung dan dijadikan contoh oleh masyarakat antarabangsa jika rakyatnya tidak memberikan kerjasama dalam usaha menjayakan KL'98.

(END)